DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

# KENYATAAN MEDIA

## RM200 JUTA UNTUK TRANSFORMASI PENJAJA KUALA LUMPUR

Seramai 11,072 penjaja kecil di Kuala Lumpur bakal menikmati persekitaran perniagaan yang lebih kondusif menerusi pelaksanaan Program Lestari Niaga @ Kuala Lumpur Tahun 2026 yang melibatkan 287 lokasi dengan peruntukan keseluruhan sebanyak RM200 juta.

Inisiatif Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) ini merupakan usaha berskala besar dalam mentransformasikan landskap penjajaan ibu kota melalui pembangunan semula, kerja-kerja menaik taraf infrastruktur, penyediaan kiosk modular, gerai berkunci dan kanopi, sekali gus mewujudkan persekitaran perniagaan yang lebih bersih, selamat, selesa, tersusun dan kondusif.

Program yang dicetuskan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim pada tahun 2022 ini diteruskan dengan skop pelaksanaan yang lebih menyeluruh pada tahun 2026 apabila turut diperluaskan kepada gerai-gerai tepi jalan serta kawasan Perumahan Awam (PA) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR), selain pusat penjaja milik DBKL.

Daripada keseluruhan 287 lokasi yang terlibat, sebanyak 224 lokasi merangkumi gerai tepi jalan yang melibatkan hampir 4,000 penjaja, 55 lokasi merupakan aset Datuk Bandar yang melibatkan lebih kurang 5,400 penjaja, manakala lapan lokasi lagi melibatkan projek pembangunan semula dengan 1,700 penjaja.

DBKL menyediakan peruntukan sebanyak RM200 juta bagi tahun 2026, merangkumi RM50 juta untuk pembangunan semula, RM40 juta bagi

pembekalan kiosk modular, RM80 juta untuk kerja-kerja naik taraf dan penyelenggaraan infrastruktur serta RM30 juta bagi pengurusan, pengoperasian dan promosi.

Pelaksanaan ini memberi tumpuan kepada transformasi kemudahan penjajaan secara menyeluruh, termasuk pembaikan ruang makan, lantai, bumbung, longkang, tandas, sinki dan surau, selain pengindahan fasad, penjenamaan semula papan tanda serta penyediaan kemudahan perniagaan yang lebih moden dan teratur.

Antara projek yang telah dilaksanakan termasuk rejuvenasi Pasar Ikan Emas, Pusat Penjaja Statik Jalan Bellamy, Pusat Penjaja Cenderawasih Fasa 2 dan Medan Selera Seksyen 1, Wangsa Maju. Penambahbaikan gerai tepi jalan pula antaranya melibatkan penyediaan kiosk modular di Lorong Haji Taib 1, 2, 4 dan 5, gerai berkunci di Desa Pandan dan hadapan PPR Cempaka serta pengindahan gerai di Jalan 6/108C, Sungai Besi.

Sehingga kini, sebanyak 48 lokasi telah siap sepenuhnya, manakala 100 lokasi siap pada hujung 2026, 53 lokasi siap pada tahun 2027 dan 14 lokasi dibawa ke tahun hadapan.

Sehingga Oktober 2026, perbelanjaan semasa direkodkan sebanyak RM107.7 juta atau 54 peratus daripada keseluruhan peruntukan. Jumlah perbelanjaan diunjurkan mencecah RM134 juta atau 67 peratus menjelang akhir tahun 2026.

Komitmen memperkasa penjaja kecil di ibu kota turut diteruskan pada tahun 2027 apabila DBKL menyediakan peruntukan sebanyak RM84.66 juta menerusi Belanjawan DBKL 2027. Daripada jumlah tersebut, RM31.06 juta diperuntukkan bagi perbelanjaan pembangunan yang melibatkan tujuh projek, manakala RM53.6 juta diperuntukkan bagi perbelanjaan mengurus termasuk pelaksanaan di 50 lokasi sambungan.

Secara keseluruhannya, pelaksanaan Program Lestari Niaga dari tahun 2023 hingga 2026 telah melibatkan 405 lokasi dengan penglibatan seramai lebih 17,000 penjaja serta jumlah peruntukan terkumpul sebanyak RM257.41 juta.

DBKL komited untuk terus memperkasa ekosistem penjajaan di Kuala Lumpur melalui penyediaan prasarana yang berkualiti, persekitaran perniagaan yang lebih teratur serta peluang ekonomi yang lebih baik kepada golongan penjaja dan peniaga kecil.

Usaha ini bukan sekadar menaik taraf fizikal premis perniagaan, malah merupakan pelaburan dalam memperkukuh ekonomi mikro bandar, meningkatkan daya saing penjaja serta memastikan kemudahan penjajaan di Kuala Lumpur terus berkembang seiring dengan aspirasi Malaysia MADANI.

Unit Media
Jabatan Perancangan Korporat
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
10 November 2026
e-mel: akhbar@dbkl.gov.my